


**UNTUK SIARAN SEGERA**



**AGROBANK TERUSKAN PROGRAM PERKONGSIAN MAKLUMAT RMK11 DALAM KONTEKS PERTANIAN**

KUANTAN, PAHANG – Agrobank hari ini mengadakan siri bicara bisnes Agenda Agro bertajuk “RMK11 dan Sektor Pertanian Perbankan: Prospek dan Peluang” yang diadakan di Hotel Vistana, Kuantan Pahang. Siri ini merupakan di lokasi kedua selepas Perlis bulan lalu telah dihadiri lebih 80 orang tetamu yang terdiri daripada pelanggan dan juga tetamu yang lain.

Menurut Dato’ Wan Mohd Fadzmi Wan Othman, Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, sesi perkongsian ini merupakan satu bentuk tambah nilai yang diberikan oleh pihak Bank bagi membantu pelanggan untuk mengetahui maklumat terkini tentang polisi Kerajaan dalam membantu masyarakat tani meningkatkan pendapatan dan taraf sosio-ekonomi usahawan tani.

“Rancangan Malaysia Ke11 (RMK11) merupakan langkah transformasi akhir dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang 2020. Sektor pertanian telah dikenalpasti sebagai salah satu fokus utama dalam pelaksanaan RMK11. Dengan adanya sesi perkongsian ‘Agenda Agro’ ini, kita berharap pelanggan kita mendapat informasi mengenai prospek dan peluang pertanian dalam RMK11. Ini akan membantu mereka untuk membuat strategi dan pelan perniagaan,” tambah beliau.

Tambah beliau lagi, dalam pembentangan Bajet 2016 juga menyaksikan sokongan berterusan pihak kerajaan kepada sektor pertanian, di mana sebanyak RM5.3 billion diperuntukkan khusus untuk transformasi dan pemodenan sektor pertanian. Ini menunjukkan kerajaan sentiasa komited dalam usaha mentransformasi industri pertanian terutama sektor agromakanan agar mampu memenuhi keperluan pertanian dan makanan negara.

“Pembentangan Bajet 2016 memberikan nilai tambah kepada pelaksanaan RMK11 dan ia menambah azam Agrobank untuk membangunkan sektor pertanian dengan menyediakan dan menambah pelbagai kemudahan pembiayaan yang komprehensif dan sesuai dengan keperluan usahawan tani bagi menjalankan projek perniagaan masing-masing.”

**###**

**Dikeluarkan oleh Jabatan Komunikasi Korporat.**

Untuk pertanyaan media, sila hubungi :

**Ainul Rofidza Ibrahim** 03-2731 1600 (2624) / 019-225 8210

**Julisa Joehari** 03- 2731 1600 (1671) / 017-329 9004

**Budiotomo Othman** 03-2731 1600 (ext 1656) / 016-350 4274